



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>BAHAN BINAAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DSB 1032</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APRIL 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:  
**BAHAGIAN A (10 Markah)**  
**BAHAGIAN B (10 Markah)**  
**BAHAGIAN C (30 Markah)**  
**BAHAGIAN D (50 Markah)**
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.**  
Jawab **TIGA (3)** soalan **sahaja** dari **BAHAGIAN D.** Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**






---






*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A (10 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) SOALAN BERPANDUKAN GAMBARAJAH. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN.**

Nama susunan batu bata	Rajah susunan batu bata
<p>1. ....</p>	
<p>2. ....</p>	
<p>3. ....</p>	
<p>4. ....</p>	
<p>5. ....</p>	

Nama ira kayu	Rajah ira kayu
6. ....	
7. ....	
8. ....	
9. ....	
10. ....	

(10 markah)



**BAHAGIAN B (10 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) SOALAN. SILA JAWAB BENAR ATAU SALAH BAGI SETIAP KENYATAAN DI BAWAH. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN.**

Bil.	Pernyataan
1	Pengeringan kayu adalah sangat penting bagi menghasilkan kayu yang bermutu dan kaedah pengeringan yang terbaik adalah dengan cara semula jadi.
2	Jenis kecacatan kayu diakibatkan oleh proses semulajadi adalah menggeleding dan melengkung.
3	Pengelasan kayu jenis lembut selalunya terdapat di kawasan tropika dan kebiasaannya pohonnya berdaun lebar.
4	Bahan pengawet yang digunakan dalam pengawetan kayu hendaklah suatu bahan yang tidak merosakkan atau melemahkan kekuatan kayu.
5	Bentuk ira kayu tidak mempengaruhi kekuatan kayu tersebut.
6	Bahan pengawet jenis cecair adalah bahan kimia yang tidak berbau contohnya zink klorida, kuprum sulfat dan natrium florida.
7	Proses pengeringan kayu dapat menambahkan kekuatan, tahan lasak dan kesenangan kerja.
8	Kayu cengal sesuai untuk rangka kapal.
9	Ubat pengawet kayu tidak boleh menjadi racun kepada serangga perosak.
10	Ubat pengawet kayu mestilah bersifat kalis air.

**BAHAGIAN C (30 MARKAH)**

**BAHAGIAN INI MENGANDUNGI SEPULUH (10) SOALAN. JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN.**

1. Terangkan definisi konkrit. (2 markah)
2. Senaraikan antara **TIGA (3)** jenis simen yang digunakan dalam bancuhan konkrit. (3 markah)
3. Sebutkan antara **DUA (2)** jenis batu baur yang digunakan dalam konkrit. (2 markah)
4. Nyatakan antara **EMPAT (4)** ciri-ciri konkrit yang baik. (4 markah)
5. Nyatakan antara **EMPAT (4)** faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti konkrit. (4 markah)
6. Nyatakan **DUA (2)** peringkat pengilangan simen. (2 markah)
7. Terangkan proses pengilangan simen secara umum. (2 markah)
8. Terangkan dengan ringkas:
  - i) cara menyimpan simen yang dilakukan untuk menjaga kualiti simen
  - ii) Lakarkan rajah untuk membantu jawapan anda. (4 markah)
9. Terangkan dengan ringkas:
  - i) cara penyimpanan batu baur untuk menjaga kualitinya.
  - ii) Lakarkan rajah untuk membantu jawapan anda. (4 markah)
10. Terangkan dengan ringkas **DUA (2)** cara menggaul konkrit di tapak bina. (3 markah)


## BAHAGIAN D (50 MARKAH)

BAHAGIAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN. JAWAB LIMA (5) SOALAN SAHAJA.

## SOALAN 1 (10 MARKAH)

- a) Nyatakan **EMPAT(4)** jenis produk pengeluaran kayu di pasaran yang telah dipelajari. Terangkan secara ringkas semua produk kayu yang telah disebutkan. Lakarkan rajah bagi membantu jawapan anda. (8 markah)
- b) Nyatakan antara **DUA (2)** kegunaan kayu yang biasanya terdapat di dalam pembinaan bangunan. (2 markah)

## SOALAN 2 (10 MARKAH)



Rajah 1

- a) Rajah 1 di atas merupakan cara menyusun batu bata untuk dijadikan dinding. Sebutkan bahan pada sudip yang digunakan untuk mencantumkan setiap sisi bata agar bata diikat dengan baik. (1 markah)
- b) Nyatakan **TIGA (3)** jenis bahan di atas. (3 markah)

- c) Terangkan dengan ringkas antara **TIGA (3)** langkah proses pembuatan bata tanah liat, bermula daripada tanah liat, membentuk bata, pengeringan dan pembakaran bata. (6 markah)

### SOALAN 3 (10 MARKAH)

- a) Nyatakan antara **EMPAT(4)** jenis bahan tambah dalam menghasilkan bancuhan konkrit mengikut kegunaan khas. (4 markah)
- b) Ujian nisbah kepadatan bertujuan untuk mengukur nisbah ketumpatan konkrit.
- i) Nyatakan bahan-bahan yang digunakan dalam ujian ini
  - ii) Terangkan dengan ringkas langkah-langkah pelaksanaan ujian dengan bantuan rajah. (6 markah)

### SOALAN 4 (10 MARKAH)

- a) Sebutkan antara **TIGA (3)** cara pengawetan konkrit dan terangkan secara ringkas setiap jawapan yang diberi. (6 markah)
- b) Terangkan dengan ringkas cara mengangkut dan menuang konkrit dengan betul. (4 markah)



**SOALAN 5 (10 MARKAH)**

- a) Nyatakan antara **DUA (2)** sifat logam ferus. (2 markah)
- b) Nyatakan:
- i) **DUA(2)** contoh logam yang dihasilkan daripada logam ferus. (2 markah)
  - ii) **DUA(2)** contoh logam yang dihasilkan daripada logam bukan ferus. (2 markah)
- c) Terangkan dengan ringkas **EMPAT (4)** langkah proses pengeluaran jangkong besi. (4 markah)

**SOALAN 6 (10 MARKAH)**

- a) Sebutkan antara **TIGA (3)** jenis getah sintetik yang digunakan dalam binaan. (3 markah)
- b) Lakarkan antara **DUA (2)** produk plastik dalam kegunaan binaan bangunan. (3 markah)
- c) Sebutkan antara **EMPAT (4)** jenis kaca dalam pembinaan. (4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

